



جباتن مفتى نكري فھع

قوله تعالى:

فَسَأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Soalan :

Apakah hukum ziarah kubur pada hari raya pertama selepas solat raya?

وعليكم السلام ورحمة الله وبركاته

Jawapan :

Asal ziarah kubur adalah dituntut dalam Islam. Ia adalah sunat mengikut pendapat yang sahih. Ini berdasarkan kepada nas yang banyak walaupun pada awalnya Rasulullah SAW melarang daripada menziarahi kubur tetapi diizinkan bahkan menyuruhnya. Ini berdasarkan hadith daripada Buraidah R.A telah berkata, telah bersabda Rasulullah SAW :

"كُنْتُ تَهَيْتُكُمْ عَنْ زِيَارَةِ الْقُبُورِ فَزُورْهَا"

Maksudnya: "Adalah aku dahulu telah melarang kamu menziarahi kubur, maka ziarahlah."

(Riwayat Muslim)

Menziarahi kubur sebenarnya mendidik kita agar menginsafi segala perbuatan dan juga dapat menyuntik semangat untuk terus memperbanyakkan amalan-amalan soleh bagi menuju alam akhirat.

Dalam riwayat yang lain :

"فَمَنْ أَرَادَ أَنْ يَزُورَ الْقُبُورَ فَلْيُزُرْ فَإِنَّهَا تُدَكِّرُنَا بِالْآخِرَةِ"

Maksudnya : *Barangsiapa yang hendak menziarahi kubur, maka ziarahlah. Sesungguhnya ia mengingatkan kita kepada akhirat.*

Ini menunjukkan bahawasanya menziarahi kubur itu adalah bertujuan untuk mengingati kematian.

Dalam hadis Nabi SAW sebagaimana yang diriwayatkan oleh Imam Muslim daripada Abu Hurairah R.A beliau berkata: *"Nabi SAW menziarahi kubur ibunya lalu dia menangis dan orang yang disampingnya juga menangis, kemudian dia bersabda:*

"إِسْتَأْذَنْتُ رَبِّي فِي أَنْ أَسْتَغْفِرَ لَهَا فَلَمْ يُؤْذَنْ لِي، وَاسْتَأْذَنْتُهُ فِي أَنْ أَزُورَ قَبْرَهَا فَأُذِنَ لِي، فَزُورُوا الْقُبُورَ

فَإِنَّهَا تُدَكِّرُ الْمَوْتَ"

Maksudnya: *"Aku meminta izin daripada Tuhanku untuk aku beristighfar baginya (bagi ibuku), maka Dia tidak memberi keizinan kepadaku, dan aku meminta izin untuk menziarahi kuburnya maka Dia (Allah) membenarkanku, maka ziarahilah kubur kerana ia boleh mengingatkan kepada kematian".*

(Riwayat Muslim)

Begitu juga Ibn Majah meriwayatkan dengan sanad yang sahih daripada Ibnu Mas'ud R.A :
Sabda Nabi SAW:

"كُنْتُ مَهَيْتُكُمْ عَنْ زِيَارَةِ الْقُبُورِ، فَزُورُوا الْقُبُورَ فَإِنَّهَا تُزَهِّدُ فِي الدُّنْيَا، وَتُدَكِّرُ الْآخِرَةَ"

Maksudnya: *"Adalah aku dahulunya menghalang kamu daripada menziarahi kubur, maka (sekarang) ziarahilah kubur, kerana ia boleh menjadikan kamu zuhud terhadap dunia dan mengingati akhirat."*

(Riwayat Ibn Majah)

Dengan menziarahi kubur juga boleh mendatangkan keinsafan dalam diri serta semangat dalam mendekati diri dengan Allah SWT sebagai persiapan menuju alam akhirat.

Menziarahi kubur pada hari raya telah menjadi perbualan para ulamak. Dalam isu ini terdapat dua pendapat iaitu :

1. Pertama : Hukumnya adalah makruh dan tidak dibenarkan dan digalakkan bahkan ia dianggap bidaah. Ini kerana tiada nas yang menunjukkan Rasulullah SAW menziarahi kubur pada hari raya. Bahkan Baginda SAW melayani tetamu dan saling kunjung mengunjung antara satu sama lain bagi menzahirkan kegembiraan dan kemenangan.
2. Kedua : Hukumnya adalah harus kerana tidak ada perintah dan larangan secara khusus disamping mengambil pendapat umum berkenaan dengan perintah ziarah kubur maka disini hukumnya adalah dibolehkan. Antara ulamak yang berpendapat hukumnya sunat adalah dalam Fatawa al-Hindiyah yang menyebut : Sebaik-baik hari ziarah kubur antaranya hari raya. Ini merupakan pendapat Mazhab Hanafi.

Menziarahi kubur selepas solat hari raya jika bertujuan untuk mengingati mereka yang telah meninggal dunia terlebih dahulu yang mana sebelum ini mereka meraikan hari raya bersama-sama, serta memohon rahmat daripada Allah SWT untuk mereka dengan berdoa maka dibolehkan.

Akan tetapi menziarahi kubur selepas solat hari raya untuk memperbaharui kesedihan dan untuk menerima takziah di atas kubur atau mendirikan bangsal dan menyediakan tempat untuk menerima takziah, maka ianya ditegah. Ini kerana takziah selepas daripada mayat dikebumikan lebih daripada tiga hari adalah dilarang, sama ada larangan dalam bentuk haram atau makruh. Ini kerana hari raya adalah merupakan hari kemenangan bagi umat Islam dan merupakan hari untuk bergembira dan berseronok yang tidak sepatutnya tidak timbul kesedihan pada hari tersebut.

Daripada keterangan-keterangan dan nas-nas di atas maka dapatlah disimpulkan bahawa, menziarahi kubur selepas solat hari raya merupakan satu amalan yang baik. Suruhan-suruhan menziarahi kubur hanyalah bersifat umum, perbuatan yang sentiasa dilakukan oleh ramai *salafussoleh* dan tidak ada nas secara khusus melarang menziarahi kubur pada hari raya. Walaubagaimanapun, yang penting ketika menziarahi kubur pastikan jaga adab ditanah perkuburan dari sudut percakapan, tingkahlaku dan pakaian, terutamanya bagi kaum wanita dan kanak-kanak. Banyakkan berzikir, berdoa dengan penuh keinsafan ketika menziarahi kubur tersebut, supaya kehidupan kita semakin bersedia untuk menghadapi kematian kelak.

Rujukan :

- 1- Riyadus Solihin Imam Nawawi no. 581
- 2- Sahih muslim, no. 1687
- 3- Irsyad Al-Fatwa Ke-42.